

MAHATHIR-NEGATIF

1978

KOTA BAHARU, 8 MACH (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PAS ADALAH SEBUAH PARTI NEGATIF.

+MEREKA TAK PERNAH BUAT APA YANG MEREKA KATA. CAKAP SAJA BANYAK, +KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DI SINI UNTUK LAWATAN TIGA HARI KE KELANTAN.

BELIAU TELAH DITANYA MENGENAI IKRAR PAS DALAM MANIFESTONNYA UNTUK PILIHANRAYA DEWAN UNDANGAN NEGERI SABTU INI YANG AKAN TERUS MEMELIHARA HUBUNGAN BAIK DAN MEMBERI KERJASAMA KEPADA KERAJAAN PUSAT YANG DIPIMPIN OLEH BARISAN NASIONAL.

+CAKAP SAJA, + KATANYA, +DULU KITA SANGGUP KERJASAMA DALAM BARISAN NASIONAL, TAPI APA DIA BUAT, TAK PERNAH BERITAHU KITA DULU.

+KALAU DALAM SATU PARTI PUN TAK BOLEH BERCAKAP, APA GUNANYA, CAKAP SAJA, + TEGAS BELIAU LAGI. — BERSAMBUNG 1718/YF

MAHATHIR-NEGATIF 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN Pengerusi BARISAN NASIONAL DAN NAIB PRESIDEN UMNO MENOLAK DAKWAAN-DAKWAAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT AKAN MENARIK SEMULA PERUNTUKAN BAGI PEMBANGUNAN KELANTAN, TERMASUK PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, JIKA PARTI LAIN DARI BARISAN NASIONAL YANG BERKUASA DI NEGERI KELANTAN.

+KITA TIDAK AKAN TARIK BALIK, + UJARNYA.

TETAPI MELALU PENGALAMAN YANG LALU MENURUT BELIAU LAGI BILA SESEBUAH KERAJAAN ITU DIPEGANG OLEH +ORANG-ORANG YANG MEMENTINGKAN DIRI, + PEMBANGUNAN TIDAK BOLEH DIBUAT WALAUPUN KERAJAAN PUSAT MAHU MENOLONG.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PEMBANGUNAN TIDAK MENJADI DI KELANTAN YUKAN DISEBABKAN KERAJAAN PUSAT TIDAK MAHU MEMBERI BANTUAN.

MALAH MENURUTNYA LAGI KERAJAAN PUSAT TELAH MEMBERI WANG SEHINGGA \$1,000 JUTA BAGI PEMBANGUNAN DI KELANTAN TETAPI TIDAK TERLAKSANA KERANA +POLITIK ANTARA ORANG-ORANG+ DALAM PARTI ITU SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG TIBA DENGAN SEBUAH KAPAL TERBANG KHAS TUDM TELAH DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR KELANTAN, DATUK MOHAMAD NASIR DAN PARA PEMIMPIN PARTI BARISAN NASIONAL.

BELIAU DIIRINGI OLEH MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK LEW SIP HON. — BERNAMA 1733/YF

(15)